

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 2



BUDAYA SEKOLAH ‘ELIT’ DI PEDALAMAN

FATIMAH SALEH & LIM CHAP SAM
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Kerap kali pencapaian matematik dan sains di sekolah-sekolah di kaitkan dengan lokasi sekolah dan sama ada sekolah itu berasrama ataupun tidak. Sejauhmana faktor ini bertindak sebagai faktor penyumbang kepada pencapaian cemerlang dalam matematik? Kertas kerja ini memaparkan budaya sebuah sekolah di pedalaman yang berjaya meraih “empat bintang” dalam pencapaian matematik di negeri Kedah. Fokus kertas kerja adalah terhadap kesuburan budaya yang berjaya menjulang pencapaian matematik dan seterusnya mengharumkan nama sekolah sebagai sekolah ‘elit’ di pedalaman.

Keywords: budaya sekolah, pembelajaran matematik, sistem kepercayaan, pencapaian sekolah, sekolah luar bandar

PENGENALAN

Ramai mempercayai bahawa sains dan matematik adalah fenomena bebas budaya. Malah, fenomena ini juga dipersetujui oleh Ellerton dan Clements(1989b). Bagaimanapun, berdasarkan pencapaian matematik sekolah setiap tahun yang menunjukkan perbezaan yang jelas antara sekolah-sekolah dibandar dan luar bandar, sekolah berasrama dan yang tidak berasrama, sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, kita mungkin mula meragui fenomena ini. D’Ambrosio (1985) telah berhujah bahawa pendekatan yang dibuat di setiap negara yang membangunkan kurikulum matematik masing-masing dengan mengambil kira keperluan-keperluan spesifik kumpulan sasaran menunjukkan bahawa pendidikan matematik diiktiraf sebagai mempunyai kecenderungan ke arah agenda politik dan budaya. Bishop(1988) dan Ernest(1991) juga mempercayai bahawa matematik sebagai satu subjek yang bukan bebas budaya. Satu contoh yang jelas ialah apabila guru-guru membawa bersama mereka caragaya yang berlainan dalam kelas matematik yang diajar. Terdapat guru yang melatih kemahiran matematik melalui latihan yang banyak dengan harapan murid akan memperoleh kefahaman semasa menyelesaikan masalah, manakala yang lain pula menekankan kepada algoritma penyelesaian tanpa mempedulikan persoalan mengapa prosedur-prosedur tertentu perlu diikuti. Murid-murid juga datang ke kelas dengan pelbagai pengetahuan matematik dan membawa bersama mereka pengetahuan tentang gaya pengajaran guru dan imej matematik yang mereka punyai. Fenomena ini mengukuhkan lagi pandangan dan kepercayaan bahawa pembelajaran matematik mempunyai kaitan secara langsung dengan budaya pengajaran dan pembelajaran seseorang murid. Dalam satu artikel oleh Voigt’s (1985) yang bertajuk “Patterns and routines in classroom interaction”, beliau menyatakan bahawa walaupun guru-guru yang secara sedar cuba melaksanakan pengajaran konstruktivis, mereka masih cenderung untuk mengimpose cara pemikiran mereka sendiri tentang matematik kepada murid yang diajar.

Kementerian Pendidikan telah mensasarkan 60-40 peratus bagi bidang sains dan sastera untuk mengharungi keperluan negara maju menjelang tahun 2020. Bagi beberapa tahun kebelakangan ini statistik menggambarkan penurunan bilangan pelajar yang berminat dan mendaftar diri dalam jurusan sains (silalahat Jadual 1).

Jadual 1: Peratus Pendaftaran Pelajar Tingkatan 4


Jurusan\ Tahun	1996	1997	1998	1999	2000
Sains (%)	21	25	26	27	32
Bukan Sains (%)	79	75	74	73	68

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, KPM (April 2000) dan Sharifah(2001)

Bagi mendapatkan bilangan pelajar yang benar-benar berkeyakinan dan mampu meneruskan pengajian dalam bidang sains memerlukan perubahan nilai, sistem kepercayaan dan budaya pembelajaran di sekolah. Budaya yang bagaimana yang harus dipupuk untuk mengubah senario yang ada? Kajian Munirah & Lim (1996) ke atas dua jenis sekolah rendah telah membuktikan bahawa perbezaan budaya yang didokong oleh pentadbir sekolah –sekolah berkenaan menghasilkan perbezaan dalam prestasi murid.

TUJUAN

Kajian ini pada umumnya cuba meninjau pengaruh atau impak budaya terhadap pengajaran dan pembelajaran matematik. Lapan buah sekolah menengah dan rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan daripada kawasan yang berbeza terlibat dalam kajian ini. Kajian cuba meneliti bagaimana budaya hos(sekolah) berperanan dan interaksinya dengan budaya pembelajaran matematik. Budaya dalam kajian ini merujuk kepada satu sistem perkongsian pengetahuan, kepercayaan dan nilai yang membentuk atau membina persepsi manusia dan seterusnya dicerminkan dalam perlakuan (Bennet, 1990). Kajian ini berlandaskan perspektif teori dan model yang digambarkan dalam rajah 1,



Rajah 1 : Cadangan Model bagi pengaruh budaya

Kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada salah satu kes yang menarik dan wajar dibuat refleksi, iaitu amalan budaya sebuah sekolah harian yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pencapaian akademik. Sekolah berkenaan telah dianugerah sebagai “Sekolah 4 bintang” oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi Julai 1999 hingga Julai 2001. Satu perkara yang sangat menarik mengenai budaya sekolah ini ialah amalan rutinnya yang agak berbeza daripada sekolah menengah harian yang lain.

Sampel

Sekolah ini dikenal pasti sebagai subjek kajian kerana reputasinya dalam bidang sains dan matematik yang pada umumnya tidak dapat ditonjolkan oleh sekolah-sekolah luar bandar. Ia merupakan sebuah sekolah menengah harian dengan kemudahan Asrama Desa yang menempatkan kira-kira 250 orang pelajar lelaki dan perempuan, terletak jauh di pedalaman berhampiran sebuah pekan kecil kira-kira 60 kilometer daripada Bandar Sungai Petani, Kedah. Populasi sekolah seramai 1630 orang pelajar tingkatan 1 hingga 6. Terdapat empat jabatan iaitu, Sains dan matematik, kemanusiaan, vokasional dan teknikal serta jabatan Bahasa.

Setiap Jabatan disekolah ini diperuntukkan bilik masing-masing dan dibekalkan dengan satu set kerusi rehat dan 2 buah komputer disamping perabot piawai seperti kerusi meja untuk setiap guru. Jabatan Sains dan Matematik ditempatkan di sebuah bilik bersaiz sebuah bilik darjah diketuai oleh seorang guru sains. Bilik ini dihiasi indah dan disitulah seramai 17 orang guru dibawah Jabatan Sains Dan Matematik ditempatkan untuk menjadi pusat perbincangan dan percambahan fikiran, Dalam bidang matematik seramai 7 orang guru siswazah dan 2 orang guru bukan siswazah yang bertanggung jawab

METODOLOGI

Kajian ini dibuat menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan pemerhatian kelas, laporan dokumen, dan temubual dengan semua peringkat pentadbiran termasuk bekas pengetua, pengetua, guru-guru matematik, ahli jawatan kuasa Persatuan Ibubapa Guru, waris pelajar, bekas pelajar dan pelajar-prlajar sendiri.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kecemerlangan yang menjadi kebanggaan sekolah ini adalah pencapaian akademik yang terus meningkat bagi beberapa tahun. Peningkatan prestasi yang dicapai bukanlah dalam mata pelajaran sains dan matematik sahaja, malah hampir semua subjek menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Analisis pencapaian akademik pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah(PMR) dan penilaian Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) dipaparkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 2: Peratus Kelulusan PMR

Tahun	BM	BI	Matem	Sains	Sejarah	Geog	KH1	KH2	P.Islam
1998	93.2	63.1	91.8	93.2	95.6	94.2	94.7	96.8	93.3
1999	100	97.6	100	99.0	100	99.5	100	100	100
2000	100	81.3	100	100	99.5	100	100	100	99.5
2001	100	94.0	100	100	100	100	100	100	100

Jadual 2 memaparkan peningkatan pencapaian sehingga 100% bagi lapan mata pelajaran, manakala Bahasa Inggeris juga menunjukkan peningkatan prestasi dari tahun 2000 ke 2001. Pada tahun 2000, prestasi Bahasa Inggeris diperingkat kebangsaan juga menurun, alasannya ialah kerana tahun pertama menggunakan format yang baru. Dua mata pelajaran, iaitu, Bahasa Arab dan Bahasa Cina tidak ditunjukkan kerana bilangan pelajar yang menduduki peperiksaan ini terlalu kecil untuk dibuat perbandingan.

Jadual 3: Peratus Kelulusan SPM

Tahun	BM	BI	Matem	Sains	Sej	Geog	Ek.As	Pdg	P.Is	Bio	Kim	Fiz	M.Tamb
1999	99.8	73.8	91.0	92.5	92.7	86.0	79.9	94.9	98.5	92.0	76.6	88.4	82.5
2000	99.5	88.3	96.7	100	96.7	90.9	86.1	96.9	100	91.5	91.6	91.2	77.1
2001	100	97.1	96.6	100	97.7	100	89.9	100	100	95.9	89.6	77.9	91.7

Bagi SPM pula, prestasi lima mata pelajaran meningkat sehingga 100%, Bahasa Inggeris, Ekonomi Asas, Biologi dan Matematik Tambahan juga meningkat walaupun tidak dalam quantum yang besar.

Prestasi bagi matematik dan sejarah hampir tidak berubah, manakala prestasi bagi Kimia dan Fizik meningkat dari 1999 ke 2000 dan agak meurun sedikit bagi tahun 2000 ke 2001.

Faktor-faktor budaya Sekolah

Setelah diteliti prestasi pencapaian pelajar seperti yang terpapar dalam Jadual 2 dan 3, kes ini didapati agak istimewa berbanding dengan kes-kes lain yang dikaji. Faktor budaya sekolah telah dilihat sebagai penyumbang utama dan ia merangkumi empat factor berikut;

Pentadbir atau pengurus

Kepercayaan yang kukuh atau idea mengenai sesuatu perkara akan membentuk perlakuan ke arah kepercayaan itu. Dalam hal ini pentadbir sekolah kajian telah mengambil tindakan dari perspektif konstruktivis. Beliau memastikan semua kakitangan sekolah termasuk guru-guru serta pelajar, malah para waris juga menukar paradigma mereka, menjalankan aktiviti pengajaran berasaskan kepercayaan yang kukuh dan memberi makna kepada mereka.

Pengetua sekolah ini mempunyai misi dan strategi tersendiri yang beliau percaya mampu dicapai dengan kerjasama semua pihak yang terlibat. Kepercayaan yang beliau dokongi diterapkan kepada semua kakitangan bawahannya melalui pelbagai cara sehingga dapat diterima dan dilaksanakan. Berikut adalah sedutan temubual dengan bekas pengetua :

...Peningkatan/perubahan mesti ada pada guru, peningkatan pada murid dan peningkatan juga pada warisbaru kita boleh berjaya. ...Dari segi strategi, kita gempur sebenarnya ...gempur murid, gempur guru dan gempur waris....tiga sekaligus.....

Beliau percaya kejayaan hanya akan dicapai dengan usaha yang teratur, teliti dan dirancang bersama., difahami sepenuhnya oleh pelaksana sehingga tidak perlu lagi pemantauan yang rapi daripada mana-mana pihak. Seperti pandangan seorang guru matematik sekolah ini;

Berbanding dengan sekolah lama dulu...memang sekolah ini banyak kerja luar selain daripada mengajar. Kadang-kadang saya rasa eh...teringin nak mengajar sahaja. Terlalu banyak kerja, tapi sebenarnya kesannya cukup baik kepada pelajar. Bila letih tersebut juga banyak kerja. Yang paling seronoknya bila keputusan keluar 100%, seperti tahun ini SPM meningkat 101%, 54 pelajar dapat A1 sekolah pedalaman. Itu yang rasa terubat sangat...

Bagi mencapai hasrat yang telah dipersetujui bersama, usaha-usaha berikut dijalankan;

Sasaran kerja Utama(SKU) yang bertemakan Pendidikan Bestari. Paksi Bestari terletak kepada pihak pengurusan, guru, kakitangan pentadbiran dan pelajar. Konsep Bestari yang dimaksudkan merangkumi aspek -aspek (i) melaksanakan tugas dengan lycin dan teratur (ii) memenuhi kehendak masa dan keperluan (iii) Menjalankan tugas tanpa pengawasan (iv) Bersikap profesional, dan berfikiran positif. Ini merupakan dokumen tahunan umum yang digunapakai oleh semua anggota sekolah. Setiap anggota perlu memahami dan menentukan yang pelaksanaan tugas harian serta sasaaran kerja tahunan (SKT) masing-masing mematuhi kriteria dan garispanduan SKU.

Mengujudkan unit Penyelidikan dan Pembangunan (R& D) yang dikendalikan oleh seorang guru sebagai penyelia. Unit ini ditempatkan di sebuah bilik dan dilengkapi dengan peralatan untuk penyediaan soalan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan . Unit ini juga berfungsi sebagai pusat penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar.

Klinik matematik diwujudkan untuk memberi peluang kepada pelajar yang memerlukan bimbingan diluar masa pengajaran kelas. Mereka dibantu oleh rakan sebaya yang juga mengambil kesempatan ruang masa yang diberikan dalam klinik matematik Setiap sesi klinik matematik dikendalikan oleh seorang guru matematik.

Sistem purata nilai gred(PNG) dilaksanakan sejak tingkatan satu secara bulanan dan pelajar tiga-mata dihadiahkan baju-T "3-poiter" yang dibolehkan pelajar berkenaan memakainya sekali dalam seminggu untuk bulan berkenaan. Pelajar juga diperkenalkan dengan 'zon tidak selesa' dan sentiasa diingatkan

dengan konsep ini untuk memastikan mereka sentiasa bersedia untuk berubah. Ini tentu sekali dapat menjulang semangat dan memupuk jatidiri pelajar untuk bersaing secara positif. Semua pelajar diwajibkan mengikuti bengkel peta-konsep dan pembelajaran koperatif di awal tahun. Mereka perlu mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi untuk menyediakan nota pelajaran masing-masing. Guru-guru tidak digalakkan memberi nota.

Setiap jabatan diberi kebebasan untuk merancang aktiviti dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan masing-masing dan dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk kelulusan. Persaingan sihat wujud dalam melaksanakan aktiviti dengan peruntukan yang terhad. Contohnya, dalam tahun 2001 jabatan sains dan matematik menjalankan 11 aktiviti khusus untuk pelajar tingkatan 1 hingga 5 disamping agenda profesionalme untuk guru.

Pihak pengurusan sekolah juga telah melaksanakan program 'pakej' bagi PMR dan SPM, iaitu mengambil kira sukatan pelajaran tingkatan 1 hingga 3 dan tingkatan 4 hingga 5 sebagai satu pakej. Jadual waktu anjal untuk matematik dalam pusingan 3 minggu untuk membolehkan guru menggunakan satu jam bagi satu masa pengajaran. Kedua-dua sistem ini menguntungkan pelajar kerana lebih banyak masa diperuntukkan untuk pengajaran dan masa ulangkaji. Semua aktiviti akademik dan bukan akademik dijalankan seawal Januari dan berterusan sepanjang tahun. Perancangan tahunan biasanya dibuat dalam bulan Ogos tahun sebelumnya, seperti diterangkan oleh bekas pengetua:

Kita sediakan (SKU) bersama...diakhir tahun, bulan 7 atau 8 saya mula merancang untuk tahun depan...

Bekas Pelajar

Seramai sebelas orang bekas pelajar sekolah ini yang sedang melanjutkan pelajaran di beberapa buah kolej matriks dan Institut Pengajian Tinggi turut menjadi fasilitator secara percuma dalam kem matematik yang diadakan. Beberapa orang bekas pelajar memberi pandangan mereka tentang keistimewaan sekolah:

Guru-guru mengambil berat terhadap individu dan dia kenal setiap pelajar...kita rasa rapat dan sayang kepada guru-guru semua. Pentadbiran pun baik. Pengetua pun ambil berat tentang pelajar. Lagi satu...perancangan sekolah dah ada...bulan Januari dah buat kem macam ni(pelajar A)

..rasa terhutang budi pada guru-guru yang telah mengajar saya....(pelajar B).

..sebab guru-guru dan pelajar saling bekerjasama....kami datang secara sukarela. Cikgu cuma tanya, kami nak buat kem matematik ni, bolehkah hadir? Tak semua

tinggal di sini...ada yang tinggal jauh,..tumpang rumah kawan. Kita rasa nak balas jasa-jasa cikgu ...(pelajar C)

Perhubungan dan interaksi yang baik dengan bekas pelajar membolehkan mereka dengan rela hati menabur bakti membantu 'adik-adik' sebagai membalas budi guru-guru dan sekolah. Kepercayaan dan nilai yang diberikan kepada sesuatu perkara menggambarkan sejauh mana usaha seseorang dalam menentukan pencapaian hasrat yang diidamkan.

Bagaimana imej mata pelajaran kepada pelajar? Apa kedudukan guru dan bagaimana faktor sekolah menyumbang kepada pencapaian murid? Beberapa orang bekas pelajar memberi pandangan tentang guru dan pembelajaran matematik:

Peranan guru penting. Kami tak pernah tinggal latihan yang dia bagi... walaupun dia tak check buku latihan....cara sekolah ini macam nilah... ada kem perkembangan matematik. Kami didedahkan dengan soalan SPM diawal tahun lagi....(pelajar D)

...Saya minat matematik...lepas tu usaha...buat latihan selalu, ..apa...tu... beri perhatian bila cikgu mengajar dan cuba faham konsep matematik itu sendiri. (pelajar E)

Paling penting sekali gurulah. Kami rapat dengan cikgu, dia tegas tapi mesra. Kalau latihan yang dia bagi, tak pernah miss....tak pernah tinggal sungguhpun dia tak check buku. Cara dia mengajar...kami rasa puas...ambil berat...(pelajar B)

Pertama sekali kena ada minatlah....sangat penting. ...Kalau tak minat....boleh berjaya, Tapi susah sikitlah...(pelajar F)

Faktor Waris

Para waris pula nampaknya memberi sokongan padu terhadap apa juga aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Dalam satu mesyuarat PIBG yang diadakan, hampir semua waris pelajar turut serta dan perbincangan berlaku dalam suasana yang harmonis sekali. Beberapa orang waris yang ditemubual memberi pandangan mereka:

Selaunya bila mesyuarat, gotong-royong...macam-macam aktivitilah....saya selalu ada dan terlibatlah...(waris P)

.....mungkin bila ada hari ibu bapa....saya berilah saguhati setakat yang mampu....(warisP)

Ditanya tentang pentadbiran sekolah, waris ini menyatakan,

Setakat ini saya puas hatilah....(waris Q)

Bagaimanapun, beliau juga meluahkan rasa kesalnya,

Dari segi alat kelengkapan..kemudahan diasrama...dulu 250 orang boleh duduk. Tahun ini 350 orang, permintaan tinggi, jadi padat sikitlah....satu bilik 4 ke 5 orang... kurang selesalah sikit...

Pada hari kokurikulum pula, para waris bukan sahaja memberi sokongan moral dengan cara turut menghadiri aktiviti tersebut, malah turut berbelanja tanda sokongan mereka. Malah, ada juga waris yang membantu dalam urusan menyediakan makanan yang dijual oleh anak-anak mereka. Yang menariknya ialah budaya yang di amalkan oleh pelajar dan guru-guru sekolah ini menjadikan para tetamu rasa dihargai dan dihormati.

KESIMPULAN

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan disekolah tidak akan habis disenaraikan. Persoalannya, aktiviti yang bagaimana yang boleh menjadi pemangkin kepada kejayaan. Jelaslah bahawa kepercayaan yang kukuh serta nilai yang tinggi terhadap ilmu dan kemahiran yang dilatih menjadi pemangkin yang berkesan dalam pembelajaran. disekolah. Budaya sekolah adalah pelbagai, dan kepelbagaian ini dicitus oleh citarasa yang berbeza di kalangan para pengurus dan pentadbir sekolah. Budaya yang bagaimanakah yang dianggap positif dan boleh membawa kepada kejayaan. Ginsburg (1986) dalam bukunya "The school achievement of minority children: New Perspectives telah berhujah dengan mengatakan kegagalan sekolah tidak boleh dikaitkan dengan kelemahan kognitif pelajar seperti teori yang agak popular di masa lalu. Beliau telah mencadangkan halatuju baru dalam penyelidikan yang berkaitan dengan kegagalan sekolah.

Masyarakat kini berdepan dengan cabaran-cabaran baru yang perlu diatasi dengan menggunakan strategi berkesan untuk memenuhi keperluan-keperluan baru. Masyarakat masih dihantui oleh nilai-nilai dan kepercayaan yang bercanggah dan paradox. Mungkin sudah sampai masanya kita menerimapakai satu 'rekabentuk budaya' bagi sekolah supaya difahami sungguh-sungguh tentang konteks masyarakat yang mendorong kepada perkembangan persekitaran budaya positif untuk pembelajaran. Jelaslah bahawa suatu usaha yang koheren yang berlandaskan perkongsian pengetahuan, kepercayaan dan nilai-nilai murni akan menghasikan budaya sekolah yang diingini dan berkesan terhadap pembelajaran .

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Intensified Research Priority Areas(IRPA), Kementerian Sains dan Alam Sekitar.

RUJUKAN

1. Bennet, C. I. (1990). *Comprehensive multicultural education*. Allyn and Bacon.
2. Bishop, A.J. (1988). *Mathematical Enculturation-a cultural perspective on mathematics education*. Netherlands: Kluwer Academic Publishers.
3. D'Ambrosio (1985). Ethnomathematics and its place in the history and the pedagogy of mathematics. *For the Learning of Mathematics*, 5(1),44-48
4. Ellerton dan Clements(1989b). *Teaching post-secondary mathematics at a distance: A Report to the Commonwealth Secretariat*. Geelong: Deakin University
5. Ernest, P. (1991). *The philosophy of mathematics education*. London: The Falmer Press.
6. Ginsburg, H. P.(1986). The myth of the deprived child: New thoughts on poor children. In U. Neisser(Eds), *The school achievement of minority children: New Perspectives*(pp1698-189): Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
7. Munirah.Ghazali, & Lim, Chap Sam. (1996). Chapter 7: Primary mathematics. In Lee, Molly., Yoong, Suan., Loo, Seng Piew., Khalid, Khadijah., Ghazali, Munirah., & Lim, Chap Sam. (1996). *Students' orientation towards science and mathematics: Why are enrolments falling?* (Monograph series number 1/96). Penang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
8. Schoenfeld, A,H (1987). What's all the fuss about metacognition? In A. H. Schoenfeld(Ed), *Cognitive science and mathematics education*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
9. Voigt's (1985). Patterns and routines in classroom interaction. *Recherches en Didactiques des Mathematiques*,6, 69-118

Kertas kerja dibentang dalam Seminar Kebangsaan Sains Teknologi dan Sains Sosial: Ke Arah Pembangunan Negara . 27-28 Mei 2002: Hotel Vistana, Kuantan, Pahang.